

Academy of Language Studies

UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER 2023


e-Lingua
3/2023



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh



Jamuan Hari Raya APB


1444 HIJRAH



Hari Raya Aidil Fitri tidak lengkap tanpa diadakan Jamuan Raya. Di Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP), Biro Kebajikan dan Sosial APB telah ditugaskan mengendalikannya. 19 Mei 2023 bersamaan 29 Syawal 1444 Hijriah dipilih sebagai tarikh acara. Pihak jabatan menyediakan soto ayam sebagai sajian utama. Manakala, ahli-ahli jabatan lain digalakkan menyediakan hidangan secara 'potluck' atau dalam istilah



Melayunya, juadah bawaan. Ada yang membawa hidangan tradisi seperti sate, ketupat, rendang, ayam bakar dan roti jala. Tidak kurang pula yang menyediakan pencuci mulut seperti kek, krim puf dan mufin.





Acara dimulakan dengan bacaan doa oleh Ketua Biro Kebajikan dan Sosial APB, Prof. Madya Dr. Rofiza Aboo Bakar memohon keberkatan dari Allah SWT. Acara sebegini bukan sahaja untuk menjamu selera hidangan lazat malah sebagai simbol rasa syukur atas sebulan penuh ibadah puasa. Paling penting, Jamuan Raya merupakan waktu untuk saling memaaafkan dan mempereratkan ikatan sosial sesama ahli jabatan.

Dek terlalu sibuk dengan kuliah dan beban kerja, kesempatan untuk bertemu dan menikmati juadah bersama-sama merupakan momen yang ditunggu-tunggu sesama ahli keluarga APB. Acara Jamuan Raya menjadi waktu yang berharga di mana mereka dapat melupakan sejenak tugas-tugas dan kewajiban yang menumpuk, serta fokus pada kebersamaan dan kebahagiaan sesama ahli jabatan. Waktu ini memberikan mereka kesempatan untuk saling bertukar cerita, tertawa bersama dan memperkuatkan ikatan persaudaraan. Acara sebegini juga menyeimbangkan antara tugas akademik dan pekerjaan dengan mengutamakan nilai-nilai kekeluargaan dan kebersamaan yang tidak ternilai harganya.

